

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NEGARA

Saringan kesihatan perlu diperketat bagi menangani penularan wabak ini

3,242 warga asing hidap tibi

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELOKA — Kementerian Kesihatan gesa saringan kesihatan pekerja warga asing yang masuk ke negara ini diperketatkan bagi menangani masalah penularan wabak tibi.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, berdasarkan statistik kementerian pada tahun 2018, sebanyak 12.5 peratus atau 3,242 orang warga asing menghidap penyakit tersebut daripada keseluruhan 22,595 penghidap di seluruh negara.

Jelasnya, walaupun jumlah warga asing yang menghidap wabak itu tidak ramai, namun peratusnya berbanding nisbah penduduk di negeri ini adalah tinggi.

"Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah mencatatkan jumlah tertinggi warga asing yang menghidap tibi dengan masing-masing mencatatkan 43.9 peratus dan 31.1 peratus manakala Terengganu paling rendah dengan 1.8 peratus."

"Ini amat jelas bahawa warga asing merupakan antara penyumbang kepada penularan penyakit tibi di negara ini dan saringan kesihatan terhadap mereka perlu diperketatkan lagi di pintu-pintu masuk negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas merasmikan Sambutan Hari Tibi dan Kusta Sedunia peringkat kebangsaan 2019 di Pusat Dagangan Antarabangsa Me-

laka (MITC), Ayer Keroh di sini semalam.

Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri, Low Chee Leong; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Chong Chee Kheong; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr. Rohaizat Yon dan Pengarah Kesihatan negeri, D. Rushdi Ramly.

Jelas Dzulkefly, langkah pencegahan awal bagi membendung wabak itu amat penting dan pihaknya meminta kementerian lain yang terlibat termasuk Kementerian Dalam Negeri serta Kementerian Sumber Manusia dapat bersama-sama memainkan peranan dalam pengawalannya.



DZULKIFLY (tengah) melakukan gimik perasmian majlis Sambutan Hari Tibi dan Kusta Sedunia peringkat kebangsaan 2019 di MITC, Ayer Keroh, Melaka semalam.

RM500 juta bina hospital wanita, kanak-kanak

MELOKA — Kerajaan akan membina sebuah Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (WCH) di negeri ini dengan kos pembinaan bernilai RM500 juta bagi mengurangkan kesesakan pesakit antara 31 hektar dalam kawasan sama. Kolej Kejururawatan Melaka di Jalan Mufti Haji Khalil di sini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, bangunan itu akan dibina di atas tapak seluas 3.1 hektar dalam kawasan sama. Kolej Kejururawatan Melaka di Jalan Mufti Haji Khalil di sini.

Katanya, hospital itu akan menyediakan 440 katil dan dijangka dapat mengurangkan kesesakan pesakit antara 35 hingga 40 peratus di Hospital Melaka.

"Kerja-kerja awal untuk memohon peruntukan berjumlah RM200,000 daripada Unit Perancang Ekono-

mi sudah dijalankan bagi melaksanakan proses awal pembinaan.

"Pembinaan hospital ini akan dilaksanakan mulai tahun depan dan dijangka siap dalam anggaran tempoh dua atau tiga tahun iaitu antara 2022 atau 2023," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke Hospital Melaka di sini semalam.

Pada lawatan itu, Dzulkefly turut mengumumkan peruntukan berjumlah RM17,000 untuk membeli 10 unit kerusi hemodialisis dan RM90,000 untuk pembelian 10 unit troli pesakit, kedua-dua di Hospital Melaka.

Dalam pada itu, beliau turut memberitahu bahawa kerajaan kini sedang memulakan pendekatan penyewaan peralatan hospital berteknologi tinggi bagi mengurangkan kos perbelanjaan pembelian.